


1. Apakah kesan Perjanjian London 1824 terhadap Alam Melayu?
  - I. Sultan kehilangan kuasa
  - II. Pembentukan Negeri- negeri Selat
  - III. Perpecahan empayar Kesultanan Johor Riau
  - IV. Pembahagian Alam Melayu kepada dua lingkungan pengaruh Barat
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
2. Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan Negeri- negeri Selat.



Negeri yang terlibat ialah

- A. Melaka, Singapura dan Naning
  - B. Pulau Pinang, Melaka dan Pahang
  - C. Pulau Pinang, Singapura dan Melaka
  - D. Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang
3. Apakah iktibar yang diperoleh daripada pembentukan dan pentadbiran Negeri-negeri Selat?
  - A. Mempertahankan keistimewaan yang ada di negara kita daripada dieksploitasi
  - B. Meminta bantuan kuasa asing untuk mentadbir negara
  - C. Sentiasa menunjukkan perasaan cinta akan negara
  - D. Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas
4. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh Siam.

Menakluki wilayah  
Patani pada tahun 1786.

Apakah kesan daripada penaklukan tersebut?

- A. Menguasai perdagangan bijih timah
  - B. Mengancam keselamatan Kedah
  - C. Menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kedah
  - D. Mengadakan dengan Burma menyerang pakatan Kedah
5. Gelaran berikut diberikan kepada kumpulan pedagang persendirian

Pedagang negeri  
(Country trader)

Apakah kawasan yang melibatkan aktiviti perdagangan tersebut?

- I. Kawasan India
  - II. Kawasan China
  - III. Kawasan Arab
  - IV. Kawasan Parsi
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV